

# INOVASI daripada pengalaman

Anak muda reka sistem boleh jimatkan sumber tenaga di kampus

**P**enyampaian yang menarik membuatkan tiga anak muda dari Universiti Teknologi MARA Shah Alam (UiTM) memukau hadirin.

Idea inovasi yang boleh menyelesaikan masalah dan bijak menjawab persoalan menobatkan mereka sebagai pemenang pertandingan reka cipta Innovation Around My Campus 2015 dianjurkan oleh pengeluar barangan kejuruteraan dan sistem teknologi, Bosch Malaysia, baru-baru ini.

Sistem dan alat kawalan InteractSys itu rekaan Ahmad Syahmi Abdul Rahim, 25, Nuramalina Mohd Radzi, 22, dan Mohamad Naim Jammaluddin, 22.

Mahasiswa jurusan Ijazah Kejuruteraan Elektrikal UiTM itu memenuhi kriteria utama pertandingan iaitu mencipta penyelesaian yang akan meningkatkan kecekapan tenaga dan kelestarian kehidupan di kampus.

Ketua kumpulan, Ahmad

Syahmi berkata, idea mereka yang dinamakan Myo armband itu didorong oleh keperluan untuk menangani isu keselamatan di kampus dan meningkatkan pengurusan

kuasa elektrik di universiti.

"Sebagai pelajar kami juga mahu membantu menjadikan kampus kami lebih mesra alam dan lestari dengan satu sistem yang dapat membantu warga kampus seperti pelajar dan pensyarah menjadi lebih efisien dalam menjimatkan sumber tenaga digunakan dalam kerja seharian.

"Kami mengambil masa lima bulan membina dan melengkapkan sistem ini. Walaupun kami menghadapi banyak cabaran, seperti tidak dapat menyambung Myo armband kepada sistem berinteraksi, dengan sokongan pensyarah juga semangat berkumpul, kami tetap meneruskannya.

"Kami percaya dengan idea ini dan berasakan ia ber-

potensi membawa manfaat yang besar pada kehidupan moden serta kepada warga Universiti Teknologi MARA khususnya" katanya.

Sebagai johan pasukan InteractSys, mereka membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM3,000, trofi, sijil dan peluang untuk menjalankan latihan industri di Bosch Malaysia.

Pasukan Seek for Chance from Monash University yang mencipta gelang pintar untuk pelajar muncul naib johan manakala dua kumpulan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia mendapat tempat ketiga dan keempat.

Pengarah Urusan Bosch Malaysia Simon Song berkata, pertandingan itu diwujudkan untuk mencungkil bakat reka cipta dalam kalangan anak muda selain menggalakkan siswa mereka teknologi yang memberi manfaat kepada kehidupan di kampus dan manusia secara amnya.

"Kami paling tertarik

dengan idea pasukan InteractSys kerana mereka bukan saja menunjukkan kreativiti dalam menggunakan produk Bosch untuk menyiapkan prototaip mereka, tetapi juga dalam membangunkan teknologi boleh dilaksanakan melalui pemikiran inovatif yang mudah, tetapi praktikal sesuai dengan tema kali ini Solusi Untuk Masa Hadapan.

"Hakim pasti mempunyai masa yang sukar untuk memilih empat finalis ini kerana idea daripada peserta untuk kali ini lebih baik berbanding sebelumnya. Kali ini kami membuka penyertaan ke seluruh negara dan menerima 60 penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi.

"Ini menunjukkan bukan sahaja pertandingan ini semakin mendapat perhatian anak muda malah mereka juga semakin peka dan mempunyai idea untuk memiliki satu masa hadapan yang lebih baik," katanya.

Sebagai pelajar kami juga mahu membantu menjadikan kampus kami lebih mesra alam dan lestari dengan satu sistem yang dapat membantu warga kampus seperti pelajar dan pensyarah menjadi lebih efisien dalam menjimatkan sumber tenaga digunakan dalam kerja seharian"